

Tarikh : 25 April 2020
Ruj : SP/BCP/APRIL/2020

Surat Pastoral

Rev. Fathers, Religius Brothers dan Sisters, Seminarians, Komuniti ISKB, Pengerusi dan ahli-ahli TPK, MPP, MPM, KWK, KBK, KKD, Komiti Katekis dan Saudara Saudari yang saya kasihi dalam Kristus

Salam Paska dan sukacita kerana Kerahiman Ilahi. Puji Tuhan kerana pada 6hb Mei 2020 ini kita akan merayakan Ulang Tahun kita yang ke27 sebagai Umat Allah Keuskupan Keningau.

Pada mulanya kita telah merancang menyambut UTK ke 27 ini pada 1hb Mei 2020 yang mana Paroki St. Anthony, Tenom sebagai Tuan Rumah. Namun kerana pandemik Covid-19 dan PKP kita terpaksa menundanya ke suatu tarikh yang belum dapat ditetapkan. Terima kasih dan harap memahami khususnya para Paderi, Religius, MPP, KWK, KBK dan para Katekis, Paroki St. Anthony, Tenom.

Saudara-saudari, walaupun kita sedang dalam perintah kawalan pergerakan dan tidak dapat berhimpun merayakan perayaan Ulang Tahun kita, namun kerana kesatuan dan kesetiaan, kita tetap secara individu, bersama keluarga dan bersama komuniti dapat berdoa mengungkapkan syukur kita kepada Tuhan atas perlindungan-Nya bagi kita selama ini.

Dalam kita menyambut perayaan UTK27, kita sebagai Umat Allah Keuskupan Keningau saya ingin mengajak kita semua – para Paderi, Religius dan Awam supaya:

- a). Kita sentiasa sedar, bersatu dan berbangga dengan Identiti kita sebagai, "Umat Allah Berjalan bersama dalam Yesus Kristus".
- b). Kita setia kepada Misi kita supaya "Taat berdoa, menghayati Sabda Allah, merayakan Sakramen-Sakramen, hidup Berkomuniti, memperjuangkan Keamanan, Keadilan, Cinta Kasih serta Keharmonian Alam Ciptaan Tuhan".
- c). Kita memilih Hidup dikuasai oleh Roh Kudus agar kita dapat dan mampu membantu satu sama lain dibentuk menjadi anggota-anggota Komuniti Umat Allah yang komited dan efektif melayani kerajaan-Nya.

d). Kita peka terhadap kebajikan Paroki dan Keuskupan kita dan bermurah hati memberi sumbangan kasih untuk keperluan pastoral, pentadbiran, dll. Kita tidak tahu berapa lama KPK akan berkuatkuasa dan kita umat tidak dapat bersama mengadakan Misa Kudus atau Ibadat. Saya sangat berharap saudara-saudari memahami dan sentiasa berhubung dengan pihak Paroki dan Keuskupan.

Dalam Perancangan Pastoral kita, (2020 – 2025) kita telah bertekad bahawa jika kita setia memainkan peranan kita sebagai Umat Allah - para Paderi, Religius, Katekis, para Pemimpin Umat Awam, Ibubapa, Belia dan Kanak-kanak - dengan semangat Kesatuan, Kesetiaan dan Kekudusan Yesus kita akan dapat merealisasikan cita-cita kita "*menjadi Komuniti Umat Allah yang Komited dan Efektif melayani Kerajaan-Nya*".

Bagi saudara-saudari KATEKUMEN, kami berharap agar anda tetap sabar dan bertekun meneruskan pembelajaran kamu mengenal dan mengasihi Yesus samapai hari Pembaptisan kamu dapat ditetapkan.

Buat sementara kita akan menyambut Perayaan UTK27 kita pada tarikh terdekat dengan 6 Mei, **iaitu pada 3hb Mei, dalam Misa Kudus Hari Minggu ke 4 Masa Paskah, Misa Kudus online streaming pada jam 8 pagi.** Bawalah Intensi UTK27 ini melalui Adorasi, Doa Rosari, doa Kerahiman Ilahi, dsb selain dalam Perayaan Misa Kudus nanti.

Semoga dengan perayaan UTK27 ini, walaupun secara sederhana sahaja, diharap semangat Kekitaan kita tetap kuat, tetap berbangga dengan Identiti kita, komited dengan Misi kita dan tetap fokus kepada Kristus Yesus Sumber, Alasan dan Tujuan hidup ini walaupun Covid-19 mengganggu ketenteraman hidup kita.

Selamat Merayakan Ulang Tahun Keuskupan Ke27

Kebahagiaan Adalah Kekitaan

+Bishop Datuk Cornelius Piong